

**SUKNS.(S)100-1/8/3 KLT.3 (8)**



**KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM)**

---

**CERAIAN SR.5.4.4**

**KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG DIKUARANTIN ATAU  
MEMERLUKAN PENGASINGAN**

**LAMPIRAN 1 – SURAT EDARAN JPA.SARAAN (S) 43/35 JLD.12 (8)**

**LAMPIRAN 2 – CERAIAN SR.5.4.4**

**LAMPIRAN 3 – SOALAN LAZIM**

**TARIKH KELULUSAN:**

**09 MAC 2022**

---

**LAMPIRAN 1**

---



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE**  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Public Service Department, Malaysia  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-80008000  
Faks (Fax): 603-88892187  
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan : JPA.SARAAN (S) 43/35 Jld.12 (8)  
Tarikh : 4 Mac 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

*YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,*

## **PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI KUARANTIN**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Kemudahan Cuti Kuarantin sedia ada diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.4.4 (Kemudahan Cuti Kuarantin) kepada pegawai yang anaknya menghidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.
3. Bagi menambah baik peraturan sedia ada selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memberi perhatian dalam aspek kebajikan pegawai

perkhidmatan awam dan dalam masa yang sama perlu meningkatkan kualiti, produktiviti dan penyampaian perkhidmatan, Kerajaan bersetuju supaya Kemudahan Cuti Kuarantin ditambah baik seperti berikut:

(i) nama Kemudahan Cuti Kuarantin **dipinda** kepada **“Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin atau Memerlukan Pengasingan”**;

(ii) **penambahan jenis penyakit berjangkit lain**

Senarai jenis penyakit berjangkit adalah sepertimana terkandung dalam Lampiran SR.5.4.4(A) iaitu enam (6) jenis penyakit berjangkit dengan penambahan **lain-lain penyakit berjangkit yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta**; dan

(iii) **kadar tempoh cuti (bilangan hari)**

(a) kadar tempoh cuti/ bilangan hari cuti **dikekalkan maksimum lima (5) hari** bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang diberikan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah dengan **pindaan termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am**; dan

(b) pegawai yang memerlukan tempoh tambahan boleh memohon Cuti Rehat/ Cuti Rehat Khas atau cuti-cuti lain yang berkelayakan. Selain itu, apabila keadaan

seseorang pegawai adalah mengizinkan dan berupaya melaksanakan tugas di rumah, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan Bekerja Dari Rumah (BDR) sepertimana peruntukan MyPPSM Ceraian SR.4.1.2 (Dasar BDR).

4. Penambahbaikan peraturan ini dilaksanakan melalui MyPPSM Ceraian SR.5.4.4 (Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin atau Memerlukan Pengasingan) seperti di **Lampiran A** berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)**

s.k:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali  
Ketua Setiausaha Negara

---

## LAMPIRAN 2

---



## KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG DIKUARANTIN ATAU MEMERLUKAN PENGASINGAN

### TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan menetapkan peraturan berkaitan Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

### LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Kuarantin telah diperuntukkan di bawah Perintah Am 24 Bab C (Cuti) kepada pegawai yang dalam perjalanan balik ke Malaysia dari luar negara yang ditahan di mana-mana stesen kuarantin oleh pihak berkuasa kesihatan pelabuhan atau lapangan terbang kerana berlaku wabak penyakit berjangkit atau pegawai dikurung di rumahnya oleh mana-mana kuasa kesihatan kerana wabak penyakit berjangkit.

3. Pegawai yang diberi perintah kuarantin adalah layak mendapat cuti bergaji penuh sepanjang tempoh kuarantin selaras dengan peraturan dan ketetapan di perenggan 2 di atas.

4. Selaras dengan keprihatinan kepada institusi kekeluargaan dalam konteks penjagaan kesihatan anak, Kerajaan telah bersetuju supaya Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan diberikan kepada **pegawai yang anaknya menghidap penyakit berjangkit dan perlu dikuarantin.**

### PELAKSANAAN

#### Tafsiran

5. Dalam Ceraian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“**anak kandung**” bermaksud anak sendiri.

“**anak tiri tanggungan**” bermaksud anak kepada suami atau isteri hasil daripada perkahwinannya yang terdahulu yang tinggal bersama dan ditanggung nafkahnya.



#### SR.5.4.4

“**anak angkat *de facto***” bermaksud seseorang kanak-kanak itu berada dalam jagaan, sedang dibesarkan, ditanggung dan dididik oleh pegawai sebagai anaknya di bawah sesuatu pengangkatan *de facto*, dan bagi suatu tempoh tidak kurang daripada dua (2) tahun yang berterusan dan sebelum sahaja dari tarikh permohonan tersebut di bawah Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [*Akta 253*].

“**anak angkat**” bermaksud seseorang anak yang telah dibenarkan oleh Mahkamah untuk diangkat atau diangkat semula di bawah Akta Pengangkatan 1952 [*Akta 257*].

“**anak pelihara**” bermaksud seseorang kanak-kanak yang diberi pemeliharaan, jagaan dan kawalan kepada ibu bapa peliharaan di bawah perenggan 30(1)(e) Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*].

“**Ketua Jabatan**” bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu kementerian, jabatan, institusi atau agensi dan termasuklah mana-mana pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan Cuti Rehat bagi kementerian, jabatan, institusi atau agensi.

“**kuarantin**” bermaksud sekatan kebebasan pergerakan seorang pegawai yang anaknya menghidap penyakit berjangkit dan telah dikeluarkan perakuan keatasnya.

“**perakuan**” bermaksud perakuan secara bertulis atau sijil sakit yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan Kerajaan atau swasta.

#### KELAYAKAN

6. Sekiranya mana-mana anak pegawai telah diberi perakuan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta yang menyatakan anak tersebut perlu dikuarantin kerana penyakit berjangkit, pegawai boleh diberi Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan untuk menjaga anak yang sakit.
7. Pegawai yang layak Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan adalah ibu dan bapa yang sah.
8. Anak adalah termasuk:
  - (a) anak kandung;
  - (b) anak tiri tanggungan;
  - (c) anak angkat *de facto*;
  - (d) anak angkat; dan
  - (e) anak pelihara.





9. Pemberian Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan kepada pegawai adalah seperti berikut:

- (a) tempoh yang boleh diluluskan adalah terhad kepada maksimum lima (5) hari bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang dikeluarkan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (b) syarat anak yang dikuarantin adalah:
  - (i) berumur di bawah 18 tahun atau jika masih belajar di bawah 21 tahun; atau
  - (ii) tidak kira apa jua umurnya bagi yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri, dengan syarat anak itu adalah cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur 21 tahun.
- (c) pegawai yang memerlukan tempoh tambahan boleh memohon Cuti Rehat/ Cuti Rehat Khas atau cuti-cuti lain yang berkeelayakan. Selain itu, apabila keadaan seseorang pegawai adalah mengizinkan dan berupaya melaksanakan tugas di rumah, Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan Bekerja Dari Rumah sepertimana peruntukan Ceraian SR.4.1.2 (Dasar Bekerja Dari Rumah).

## PELAKSANAAN

10. Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

- (a) pegawai boleh menggunakan Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan pada bila-bila masa dalam tempoh perakuan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai perubatan Kerajaan atau swasta;
- (b) **senarai penyakit berjangkit** yang boleh dipertimbangkan adalah seperti di **Lampiran SR.5.4.4(A)**, dengan penambahan **lain-lain penyakit berjangkit yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta**; dan



#### SR.5.4.4

- (c) permohonan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan berserta perakuan yang dikeluarkan oleh mana-mana pegawai perubatan Kerajaan atau swasta dengan menggunakan **Borang Permohonan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan** seperti di Lampiran SR.5.4.4(B).

#### **Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan Di Bawah Penjagaan Sementara**

11. Mana-mana pegawai yang diberikan hak penjagaan selain anak yang dinyatakan di perenggan 8 (a) hingga (e) di atas semasa ketiadaan ibu bapa atas apa-apa jua sebab untuk suatu tempoh berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan, jika anak itu perlu dikuarantin semasa dalam tempoh penjagaan pegawai itu, pegawai boleh diberikan Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di atas.

#### **Tanggungjawab Ketua Jabatan**

12. Ketua Jabatan hendaklah memastikan kemudahan ini diberikan mengikut tempoh yang boleh diluluskan terhad kepada maksimum lima (5) hari bagi memenuhi keperluan pegawai itu dalam menguruskan apa-apa perkara yang berhubung peraturan di atas.

13. Bagi permohonan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan di bawah perenggan 11, kemudahan ini adalah tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan.

14. Ketua Jabatan hendaklah merekodkan kelulusan Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan pegawai dalam Rekod Perkhidmatan Kerajaan.

#### **PENGECUALIAN**

15. Sebarang pengecualian daripada mana-mana peruntukan dalam Ceraian ini hendaklah mendapat pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

#### **PEMBATALAN**

16. Dengan berkuatkuasanya Ceraian ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016: Kemudahan Cuti Kuarantin adalah **dibatalkan**.



**PEMAKAIAN**

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



### SENARAI PENYAKIT BERJANGKIT

1. Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut [*Hand, Foot and Mouth Disease* (HFMDI)]
2. Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah
3. Campak (*Measles*)
4. *Chickenpox*
5. Difteria
6. Malaria
7. Lain-lain penyakit berjangkit yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta



**PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG DIKUARANTIN ATAU  
MEMERLUKAN PENGASINGAN**

**Arahan:** Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**.

**BAHAGIAN I: BUTIRAN DIRI PEGAWAI**

1. Nama Penuh : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Jawatan : \_\_\_\_\_
4. Gred : \_\_\_\_\_

**BAHAGIAN II: BUTIRAN ANAK**

5. Nama Anak : \_\_\_\_\_
6. No. Kad Pengenalan/  
MyKid/No. Sijil Kelahiran/  
Sijil Pendaftaran Pengangkatan : \_\_\_\_\_
7. Umur Anak: \_\_\_\_\_ tahun \_\_\_\_\_ bulan (pada tarikh kuarantin)
8. Hubungan dengan Pegawai: 


 Anak kandung  
Anak tiri tanggungan  
Anak pelihara  
Anak angkat *de facto*  
Anak angkat  
Anak jagaan:
9. Perakuan Kuarantin adalah seperti di lampiran  
(Sila sertakan perakuan kuarantin yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan Kerajaan/swasta)



### BAHAGIAN III: PENGESAHAN PEGAWAI

10. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di **Bahagian I dan II adalah benar**. Sehubungan itu, saya memohon Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan selama \_\_\_\_\_ hari, pada/mulai \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

### BAHAGIAN IV: PENGESAHAN DAN KEPUTUSAN KETUA JABATAN

#### KEGUNAAN

11. Permohonan Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN\*** pada/mulai \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

Tandatangan :

Nama dan jawatan :  
\_\_\_\_\_

Tarikh :

*\*potong mana yang tidak*

---

## LAMPIRAN 3

---

**SOALAN LAZIM**  
**PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MyPPSM) CERAIAN SR.5.4.4**  
**KEMUDAHAN CUTI MENJAGA ANAK YANG DIKUARANTIN ATAU MEMERLUKAN PENGASINGAN (CMAKP)**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>A. Perihal Surat Edaran</b>		
1.	Bilakah pemakaian peraturan Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan (CMAKP) ini berkuat kuasa?	Pemakaian peraturan ini berkuat kuasa mulai 4 Mac 2022.
2.	Apakah perbezaan antara Cuti Kuarantin, Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan dan Cuti Kerantina?	<p>a) Cuti Kuarantin adalah cuti yang diberi kepada pegawai bagi menjaga anak yang menghidapi penyakit berjangkit dan diberi perakuan oleh pegawai perubatan Kerajaan atau swasta untuk dikuarantin. Dasar ini berkuat kuasa mulai tahun 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2016. Walau bagaimanapun, Pekeliling Perkhidmatan ini telah dibatalkan mulai 4 Mac 2022;</p> <p>b) Manakala Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan adalah penambahbaikan kepada Cuti Kuarantin yang dilaksanakan melalui Surat Edaran JPA.SARAAAN (S) 43/35 Jld. 12 (8) bertarikh 4 Mac 2022; dan</p>



BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>c) Cuti Kerantina pula adalah cuti yang diperuntukkan kepada pegawai yang dalam perjalanan balik dari luar Negara <b>melalui kapal terbang atau pelabuhan</b> dan ditahan oleh pihak berkuasa kesihatan bagi mengengkang wabak penyakit merebak di bawah Perintah Am 24 Bab C.</p>
<b>B. Jenis Penyakit Berjangkit</b>		
3.	<p>Apakah jenis penyakit berjangkit yang boleh menggunakan kemudahan cuti ini?</p>	<p>Jenis penyakit berjangkit adalah sepertimana tersenarai di MyPPSM Ceraian SR.5.4.4 (A) iaitu enam (6) jenis penyakit berjangkit dan <b>lain-lain penyakit berjangkit yang dipraktikkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta.</b></p> <p>Jenis penyakit berjangkit tersebut adalah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut [<i>Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD)</i>];</li> <li>(ii) Demam Denggi dan Demam Denggi Berdarah;</li> <li>(iii) Campak (<i>Measles</i>);</li> <li>(iv) <i>Chickenpox</i>;</li> <li>(v) <i>Difteria</i>;</li> <li>(vi) <i>Malaria</i>; dan</li> <li>(vii) Lain-lain penyakit berjangkit yang dipraktikkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta.</li> </ul>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.	Adakah COVID-19 termasuk dalam jenis penyakit berjangkit?	Ya. Apa-apa jua penyakit berjangkit yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta adalah termasuk dalam "Lain-lain penyakit berjangkit" yang dinyatakan di bawah kemudahan ini, termasuklah COVID-19.
<b>C. Perakuan Pegawai Perubatan</b>		
5.	Apakah yang dimaksudkan dengan perakuan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta?	Bermaksud perakuan secara bertulis untuk dikuarantin atau diasingkan yang diberikan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta atas nama anak yang dijangkiti penyakit berjangkit seperti yang disenaraikan dalam MyPPSM Ceraian SR.5.4.4(A) Kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin Atau Memerlukan Pengasingan (CMAKP) dan bukannya atas nama pegawai.
6.	Adakah Sijil Digital Home Surveillance Order (HSO) dalam MySejahtera yang diberikan kepada anak pegawai yang positif COVID-19 boleh diterima sebagai perakuan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan/ swasta?	Ya. Sijil Digital HSO atas nama anak pegawai dalam MySejahtera boleh digunakan sebagai perakuan Pegawai Perubatan Kerajaan/ swasta. Ia adalah selaras dengan kenyataan media Ketua Pengarah Kesihatan pada 24 Februari 2022 yang menyeru semua majikan menerima sijil digital HSO yang sah laku di bawah Akta 342 bagi mengelakkan kesesakan di Pusat Penilaian COVID-19 (CAC).

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	<p>Adakah HSO atas nama pegawai boleh digunakan untuk mendapat kemudahan Cuti Menjaga Anak Yang Dikuarantin atau Memerlukan Pengasingan?</p>	<p>Tidak boleh. Pegawai perlu mengemukakan HSO atas nama anak yang positif COVID-19 kerana kemudahan ini diberikan kepada pegawai bagi menjaga anak yang dijangkiti penyakit berjangkit dan mendapat perakuan dikuarantin.</p>
8.	<p>Anak-anak pegawai yang positif COVID-19 dan telah mendapatkan keputusan ujian daripada hospital/klinik swasta bagi <i>Reverse Transcription – Polymerase Chain Reaction</i> (RT-PCR) atau <i>RTK Antigen</i> (RTK-Ag). Adakah keputusan ini boleh diterima?</p>	<p>Boleh. Tindakan yang perlu di buat adalah bergantung kepada 2 keadaan berikut:</p> <p>a) Keadaan pertama, di mana anak pegawai mendapat keputusan RT-PCR atau RTK-Ag yang positif COVID-19 daripada hospital/klinik swasta yang mempunyai akses kepada Sistem Informasi Makmal Kesihatan Awam (SIMKA) KKM, perakuan kuarantin (HSO) tersebut boleh diperolehi secara terus melalui sistem MySejahtera dengan syarat anak didaftarkan sebagai <i>Vaccine Dependent</i>.</p> <p>b) Keadaan kedua, di mana anak pegawai mendapat keputusan RT-PCR atau RTK-Ag yang positif COVID-19 daripada hospital/klinik swasta yang tidak mempunyai akses kepada Sistem Informasi Makmal Kesihatan Awam (SIMKA) KKM. Pegawai perlu pergi ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) atau</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan mengemukakan keputusan ujian tersebut. Kemudian, CAC atau PKD akan mengeluarkan perakuan tempoh kuarantin bagi membolehkan pegawai memohon CMAKP.</p>
<p><b>D. Kadar Tempoh CMAKP</b></p>		
<p>9.</p>	<p>Berapakah tempoh kelayakan bagi CMAKP?</p>	<p>Terhad kepada maksimum lima (5) hari bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang diberikan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah, termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM.</p> <p>a) <b>Contoh 1:</b> Tempoh perakuan bermula 9 Mac 2022 hingga 18 Mac 2022 (10 hari, termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM).</p> <p>Pegawai boleh menggunakan kemudahan CMAKP <b>terhad kepada maksimum lima (5) hari sahaja sepanjang tempoh perakuan</b> bagi satu kes kuarantin termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM. Dalam kes ini, pegawai boleh memohon</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>CMAKP pada bila-bila masa dalam tempoh 9 Mac 2022 hingga 18 Mac 2022. CMAKP tersebut hendaklah digunakan maksimum 5 hari <b>secara berturut-turut</b>.</p> <p>b) <b>Contoh 2:</b> Tempoh perakuan bermula 9 Mac 2022 hingga 12 Mac 2022 (4 hari). Pegawai boleh menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin <b>terhad kepada empat (4) hari sahaja sepanjang tempoh perakuan tersebut</b>, walaupun kelayakan lima (5) hari.</p> <p>c) <b>Contoh 3:</b> Tempoh perakuan bermula 9 Mac 2022 hingga 18 Mac 2022 (10 hari). Pegawai hanya bercadang menggunakan kemudahan Cuti Kuarantin selama <b>empat (4) hari sahaja</b> demi kepentingan perkhidmatan walaupun kelayakan lima (5) hari. Oleh yang demikian, <b>baki lima (5) hari tersebut tidak boleh dibawa ke hadapan</b> bagi kes CMAKP yang lain.</p>
10.	Sekiranya anak yang sama dijangkiti penyakit yang berulang atau penyakit lain yang tersenarai di Lampiran A SR.5.4.4(A) Ceraian SR.5.4.4 (MyPPSM), adakah pegawai	<p>a) <b>Contoh 1:</b> Pegawai A telah menggunakan kemudahan Cuti CMAKP kerana anak sulungnya sakit pada 9 Mac 2022 sehingga 13 Mac 2022 (5 hari). Namun begitu, anak sulungnya telah dijangkiti penyakit yang sama dan diberi</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	<p>berkelayakan mendapat kemudahan CMAKP berdasarkan tempoh perakuan yang dinyatakan?</p>	<p>tempoh perakuan bermula 21 Mac 2022 sehingga 25 Mac 2022.</p> <p>Justeru, <b>pegawai A layak</b> mendapat CMAKP terhad kepada maksimum lima (5) hari sepanjang tempoh perakuan bagi kes 9 Mac 2022 sehingga 13 Mac 2022 dan layak mendapat CMAKP terhad kepada maksimum lima (5) hari sepanjang tempoh perakuan bagi kes 21 Mac 2022 sehingga 25 Mac 2022 termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM <b>kerana terdapat tempoh terputus di antara perakuan pertama dan perakuan kedua</b> yang mana anak pegawai telah pulih daripada penyakitnya semasa dalam tempoh perakuan pertama. Sila rujuk <b>Simulasi A</b>.</p> <p>b) <b>Contoh 2:</b> Pegawai B telah menggunakan kemudahan CMAKP kerana anak sulungnya sakit pada 10 Mac 2022 sehingga 14 Mac 2022 (5 hari). Selepas itu, anak keduanya pula dijangkiti penyakit yang sama dan diberi tempoh perakuan bermula 14 Mac 2022 sehingga 18 Mac 2022 (5 hari).</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p><b>Pegawai B layak</b> mendapat CMAKP untuk anak keduanya selepas tamat tempoh CMAKP anak sulungnya pada 14 Mac 2022. Jika pegawai ingin menggunakan Cuti Kuarantin untuk anak kedua bermula 14 Mac 2022, maka Cuti Kuarantin anak sulungnya perlu dipendekkan kepada 13 Mac 2022.</p> <p>c) <b>Contoh 3:</b> Pegawai C telah menggunakan kemudahan CMAKP kerana anak sulungnya sakit pada 9 Mac 2022 sehingga 13 Mac 2022 (5 hari). Penyakit anak sulungnya masih belum sembuh dan doktor telah memberi perakuan mulai 14 Mac 2022 hingga 18 Mac 2022.</p> <p><b>Pegawai C tidak layak</b> mendapat CMAKP berdasarkan tempoh perakuan 14 Mac 2022 hingga 20 Mac 2022. Namun, pegawai C boleh menggunakan Cuti Rehat atau Cuti Separuh Gaji atau Cuti Tanpa Gaji yang berkecualan jika ingin bercuti bagi tempoh tersebut, tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan. Sila rujuk <b>Simulasi A</b>.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
11.	<p>a) Apakah yang dimaksudkan dengan “bila-bila masa dalam tempoh perakuan yang dikeluarkan” dalam MyPPSM Ceraian SR.5.4.4?</p> <p>b) Adakah pegawai boleh memilih hari bekerja sahaja?</p>	<p>a) Pegawai boleh memilih pada bila-bila masa CMAKP iaitu dalam tempoh perakuan kuarantin termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM terhad maksimum lima (5) hari secara berturutan bagi setiap kes mengikut mana yang lebih rendah. Sila rujuk <b>Simulasi B</b>.</p> <p>b) Pegawai boleh memilih hari bekerja terhad maksimum lima (5) hari secara berturutan termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM bagi setiap kes mengikut mana yang lebih rendah.</p>
12.	<p>Keputusan ujian positif COVID-19 anak pegawai adalah pada 2 Mac 2022 iaitu sebelum tarikh kuat kuasa Surat Edaran CMAKP (mulai 4 Mac 2022), dan keputusan ujian tersebut tidak menyatakan tempoh kuarantin.</p> <p>Adakah pegawai perlu mendapatkan semula perakuan tempoh kuarantin untuk kelulusan CMAKP?</p>	<p>Ya.</p> <p>Pegawai perlu mendapatkan perakuan kuarantin yang menyatakan tempoh kuarantin wajib bagi anak untuk kelulusan CMAKP.</p> <p>Tempoh CMAKP boleh diambil mulai 4 Mac 2022 terhad maksimum lima (5) hari bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang diberikan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah,</p>



BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM.
13.	Tempoh kuarantin anak yang positif COVID-19 adalah 10 hari iaitu 5 hari sebelum berkuatkuasanya Surat Edaran CMAKP, manakala 5 hari lagi selepas berkuatkuasanya Surat Edaran. Adakah pegawai layak untuk menggunakan CMAKP sebelum tarikh kuat kuasa Surat Edaran CMAKP?	<p>a) Bagi tempoh sebelum Surat Edaran berkuat kuasa, pegawai boleh diarahkan bekerja dari rumah (BDR) sekiranya pegawai tidak diberi HSO atau boleh mendapat Kebenaran Tidak Hadir Bertugas atas Perintah Akta 342 sekiranya pegawai diberi HSO; dan</p> <p>b) Bagi tempoh selepas Surat Edaran berkuat kuasa, pegawai adalah layak mendapat CMAKP sebanyak 5 hari termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM.</p>
14.	Sekiranya berlaku pertindihan tarikh anak-anak pegawai dijangkiti penyakit berjangkit dan memerlukan kuarantin/pengasingan, apakah tarikh akhir CMAKP pegawai?	<p>Sekiranya tempoh kuarantin anak adalah bertindih dengan anak yang lain, tempoh akhir pegawai menggunakan CMAKP adalah pada hari terakhir tempoh lima (5) hari perakuan anak dikuarantin yang mana lebih lewat.</p> <p>Sila rujuk <b>Simulasi C</b>.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
<b>E. Kelayakan</b>		
15.	Nyatakan keadaan yang tidak melayakkan pegawai mendapat kemudahan CMAKP?	<p>Kemudahan CMAKP tidak layak diberikan bagi keadaan yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) pegawai yang anaknya tidak dijangkiti penyakit berjangkit tetapi dibimbangi boleh menjadi pembawa penyakit berjangkit kerana terdapat anak-anak di taska/sekolah yang disahkan mendapat penyakit berjangkit;</li> <li>(ii) pegawai yang anaknya sihat tetapi taska/sekolah telah diisytihar sebagai kawasan yang dikuarantin dalam mencegah daripada merebaknya penyakit berjangkit;</li> <li>(iii) Anak pegawai <b>tidak diperaku</b> untuk dikuarantin atau diasingkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta walaupun anak pegawai dijangkiti penyakit berjangkit; dan</li> <li>(iv) Pegawai <b>menjadi kontak rapat</b> (kepada anak yang positif COVID-19) dan pegawai telah diberi HSO. Dalam hal ini, Pegawai hendaklah menggunakan peruntukan Kebenaran Tidak Hadir Bertugas atas Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Akta 342.</li> </ul>



BIL.	SOALAN	JAWAPAN
16.	<p>Pegawai menjadi kontak rapat (kepada anak yang positif COVID-19) tetapi pegawai tidak diberi HSO, adakah pegawai boleh menggunakan CMAKP?</p>	<p>Boleh.</p> <p>Pegawai boleh menggunakan CMAKP terhad maksimum lima (5) hari bagi setiap kes atau selama tempoh perakuan yang diberikan oleh mana-mana Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta mengikut mana yang lebih rendah, termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM.</p>
17.	<p>Sekiranya suami/isteri merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, adakah kedua-dua pegawai suami/isteri layak mendapat kemudahan CMAKP?</p>	<p>Sekiranya suami/isteri merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan, <b>kedua-dua pegawai suami/isteri layak mendapat kemudahan CMAKP maksimum lima (5) hari dan boleh digunakan secara serentak atau secara berasingan</b> terhad selama tempoh perakuan yang dikeluarkan mengikut mana yang lebih rendah, termasuk HARI REHAT MINGGUAN, HARI KELEPASAN MINGGUAN DAN HARI KELEPASAN AM.</p>
18.	<p>Adakah pegawai lantikan kontrak (<i>Contract of Service</i>) dan personel MySTEP layak mendapat kemudahan CMAKP ini?</p>	<p>Bagi pegawai lantikan kontrak (<i>Contract of Service</i>) adalah layak mendapat kemudahan ini.</p> <p>Manakala kemudahan CMAKP ini tidak terpakai kepada personel MySTEP.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
19.	<p>a) Apakah yang dimaksudkan dengan penjagaan sementara?</p> <p>b) Apakah dokumen pengesahan penjagaan sementara yang diperlukan?</p>	<p>a) Bagi pegawai yang diberi hak penjagaan sementara oleh ibu bapa asal anak selain daripada yang dinyatakan di perenggan 8(a) - (e), <b>Ceraian SR.5.4.4 (MyPPSM)</b>, untuk apa-apa jua sebab bagi suatu tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan, <b>pegawai tersebut layak mendapat kemudahan CMAKP</b>. Dalam hal ini, anak pegawai lain bermaksud, <b>anak kepada sesiapa sahaja</b> (penjawat awam atau swasta) asalkan penjaga tersebut merupakan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang diberikan hak penjagaan semasa ketiadaan ibu dan bapa atas apa-apa jua sebab.</p> <p>b) <b>Perakuan bertulis bagi hak penjagaan</b> bagi suatu tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya satu (1) bulan hendaklah diberikan oleh ibu bapa kepada penjaga sementara yang merupakan pegawai perkhidmatan awam.</p> <p><b>Contoh 1:</b> Pegawai A telah diberi hak penjagaan sementara oleh jirannya (pekerja swasta), untuk menjaga anak mereka yang berusia 7 tahun selama dua (2) bulan kerana bertugas di luar negara. Sekiranya anak jagaan tersebut didapati menghidap penyakit berjangkit seperti senarai penyakit di</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		<p>Lampiran A SR.5.4.4(A) Ceraian SR.5.4.4 (MyPPSM), pegawai A layak mendapat kemudahan CMAKP.</p> <p><b>Contoh 2:</b> Pegawai B telah diberi hak penjagaan sementara oleh adiknya yang bertugas di Jabatan Kerajaan untuk menjaga anaknya yang berusia 7 tahun selama 45 hari untuk menunaikan fardhu haji. Selepas 2 minggu, anak jagaan sementara tersebut disahkan menghidap HFMD dan diberi perakuan kuarantin selama tujuh (7) hari. Maka, pegawai B layak mendapat CMAKP kerana perakuan bertulis ibu bapa diberi melebihi satu (1) bulan.</p>
<b>F. Bekerja Dari Rumah (BDR)</b>		
20.	<p>Bolehkah Ketua Jabatan mempertimbangkan BDR kepada pegawai yang berupaya melaksanakan tugas di rumah walaupun anak pegawai diperaku oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau swasta untuk dikuarantin atau diasingkan?</p>	<p>Ketua Jabatan boleh mempertimbangkan BDR sepertimana peruntukan di bawah MyPPSM Ceraian SR.4.1.2: Dasar Bekerja dari Rumah. BDR boleh dipertimbangkan sekiranya pegawai berupaya melaksanakan tugas pejabat di rumah.</p>

# SIMULASI A

## Simulasi Anak Yang Sama Dijangkiti Penyakit Berjangkit Yang Berulang





SIMULASI B

## Simulasi Penggunaan CMAKP Pada Bila-bila Masa Dalam Tempoh Perakuan Yang Dikeluarkan

### Tempoh Perakuan Kuarantin (10/3 – 19/3)

Alternatif 1: 10-14/3 (Khamis-Isnin)      Alternatif 2: 14-18/3 (Isnin-Jumaat)




Alternatif 3: 13-17/3 (Ahad-Khamis)

March, 2022						
S	M	T	W	T	F	S
27	28	1	2	3	4	5
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31	1	2
3	4	5	6	7	8	9

## SIMULASI C

### Simulasi Tempoh Kuarantin Anak Bertindih Dengan Anak Yang Lain



7

**Nota:**  
Kelulusan CMAKP adalah tertakluk kepada pertimbangan Kelulusan Ketua Jabatan.

Maklumat perhubungan berkaitan perkara ini boleh diajukan ke talian 03-8885 5660/ 03-8885 5692/ 03-8885 5689/ 03-8885 5609/ atau e-mel ke [cspa@jpa.gov.my](mailto:cspa@jpa.gov.my).